



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
OFG Perlepasan Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8998 8000 Fax: +60 3 8998 1000  
Website: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

**Untuk Siaran Segera**

### **POSMEN DIHUKUM DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN POS 2012 KERANA MEROSAKKAN SURAT**

**CYBERJAYA, 7 JANUARI 2015 ---** Seorang lelaki, Muhammad Anas bin Mohd Ishkandar, 19, telah mengaku bersalah di atas pertuduhan merosakkan 310 pucuk surat Pos Malaysia Berhad yang dalam perjalanan penyalurannya di daerah Rawang. Dia yang pada ketika itu bekerja sebagai posmen di Pos Malaysia Berhad, dituduh di Mahkamah Majistret Jenayah (3) Selayang di atas kesalahan yang telah dilakukan pada 15 April 2014 antara pukul 12:00 tengahari dan pukul 1:00 petang, di Jalan Desa 7/1, Bandar Country Homes, di dalam daerah Rawang, Selangor.

Majistret Nurul Izzah binti Hasan Basri telah menjatuhkan hukuman Perintah Kehadiran Wajib (PKW) selama empat jam sehari selama tiga bulan terhadap pesalah. Dia juga dikenakan cagaran dan jaminan sendiri sebanyak RM1,000.00. Berdasarkan Perintah Kehadiran Wajib, mahkamah boleh memerintah pesalah untuk menjalani apa-apa kerja buruh, tugas, kerja atau kursus pengajaran yang diperintah oleh Pegawai Kehadiran Wajib. Kegagalan pesalah untuk mematuhi perintah tersebut, akan menyebabkan pesalah dihadapkan semula ke mahkamah.

Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Pendakwaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Ahmad Zakhi bin Mohd Daud telah membantu di dalam proses pendakwaan pesalah. MCMC memandang serius akan kesalahan yang dilakukan oleh pesalah dan berharap kes ini akan menjadi pengajaran kepada pesalah dan posmen-posmen lain kerana jawatan tersebut melibatkan kepentingan orang awam di mana pesalah telah memutuskan sistem komunikasi antara pengirim dan penerima.

Membakar surat atau merosakkan barang pos yang dalam perjalanan penyalurannya merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 64 (a) Akta Perkhidmatan Pos 2012. Jika sabit kesalahan,



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Pusatran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

[Tamat]

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Tel: +603 8688 8000    Faks: +603 8688 1007    E-mel: [ccd@cmc.gov.my](mailto:ccd@cmc.gov.my)